

30 MAY 2002

Cuepacs-Gaji/I

CUEPACS YAKIN TANGGA GAJI LEBIH KEMAS BAKAL DINIKMATI

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang hari ini bermesyuarat buat kali keempat dan terakhir dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung semakan Sistem Saraan Baru (SSB) yakin kerajaan akan memperkemas sistem gaji bagi manfaat hampir sejuta kakitangan awam.

"Maklum balas yang diterima daripada JPA adalah positif dan sekarang terpulang kepada kerajaan membuat keputusan mengenai skim gaji itu...bagi pihak kami, misi telah tercapai, sekarang kerajaan pula menyelesaikan masalah," kata presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam.

Beliau berkata mesyuarat satu jam setengah dengan para pegawai JPA di Putrajaya hari ini adalah yang terakhir bagi badan yang mewakili kakitangan awam itu mengemukakan cadangannya berhubung semakan SSB.

"Kami yakin kerajaan akan bersimpati dengan kakitangan awam...tiada tarikh ditetapkan untuk membuat perubahan, jika ia akan dilaksanakan," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Cuepacs di sini.

Beliau berkata sementara kebajikan kakitangan awam diperjuangkan, Cuepacs turut memberi pertimbangan kepada beban kewangan yang perlu ditanggung kerajaan jika tangga gaji baru perlu diperkenalkan.

SSB diperkenalkan pada tahun 1992 tetapi selepas beberapa tahun dilaksanakan, skim itu menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan kakitangan awam terutama berhubung sistem kenaikan gaji dan pangkat.

Cuepacs telah mendesak kerajaan memperkemas atau merombak SSB yang dikatakan tidak adil kepada kakitangan awam kerana ketua-ketua jabatan yang menentukan kenaikan gaji dan pangkat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini telah mengarahkan JPA mengkaji masalah yang dibangkitkan oleh Cuepacs dan selepas itu kedua-dua pihak telah memulakan perbincangan mengenainya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan juga berkata bahawa jika SSB dihapus dan digantikan skim gaji dan kenaikan pangkat yang baru, ia akan melibatkan perbelanjaan RM1 bilion.

"Kami diberitahu hari ini bahawa cadangan kami telah diberi pertimbangan sewajarnya, sekarang JPA akan mengemukakan cadangan komprehensif kepada Perdana Menteri dan selepas itu baru kita tahu mengenai hasil semakan," kata Siva.

Beliau berkata antara kelemahan SSB ialah berhubung pelaksanaan sistem matriks, penilaian prestasi dan tangga gaji menegak dan melintang.

Siva berkata Cuepacs sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab tidak akan menekan kerajaan dalam isu itu kerana ia tidak mahu dilihat sebagai kumpulan pendesak.

"Dengan mesyuarat hari ini, harapan kami ialah supaya kerajaan dan Perdana Menteri akan dapat membantu kakitangan awam dalam menyelesaikan perkara itu," katanya.

Siva sementara itu enggan mengulas apabila ditanya sama ada kerajaan mungkin menghapuskan skim itu dan menggantikannya dengan skim baru yang lebih baik.

"Saya tidak mahu berkata apa-apa mengenainya, kita kena tunggu dan lihat," katanya.

-- BERNAMA

SR MAD MOZ